Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

MALAYSIA -SAUDI KIAN ERAT

RIYADH, Selasa — Malaysia dan Arab Saudi bersetuju meningkatkan kerjasama kepada perkara-perkara baru di bidang ekonomi, perdagangan dan industri raya.

Kedua negara itu berpendapat bahawa hal ini selaras dengan hubungan erat yang teguh menurut [illegible] perseduluran lama.

Persetujuan tersebut dicapai dalam rundingan antara Yang di-Pertuan Agong dan Al-Malik Khalid di Istana Mintamar di sini petang semalam.

Rundingan itu berlangsung ketika Al-Malik Khalid menghujungi Yang di-Pertuan Agong yang mengawal negara tersebut.

Turut serta dalam rundingan itu ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Seri Shariff Ahmad; Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Syed Nasir Ismail; dan Duta Malaysia ke Arab Saudi, Datuk Seri Kamaruddin Mat Isa.

Eksport

Al-Malik Khalid disertai lima orang lain termasuk Putera Mahkota Fahd; Menteri Luar, Putera Saud Faisal; dan Menteri Kewangan, Sheikh Mohamed Aba Al-Khail.

Tengku Rithauddeen berkata, rundingan itu menyentuh berbagai perkara kepentingan bersama dan perkara-perkara yang dikemukakan oleh Yang di-Pertuan Agong mendapat sambutan baik dari Al-Malik Khalid.

Katanya, Malaysia dan Arab Saudi bersetuju mengkaji lebih banyak lapangan seperti menambahkan eksport Malaysia ke negara itu.

Seri Paduka Baginda juga menyentuh keadaan politik di Asia Tenggara dan masalah orang-orang pelarian Islam.

Selepas rundingan itu Al-Malik Khalid merasmikan satu pameran hasil kraftangan Malaysia di istana itu.

Semua barang pameran dihadiahkan oleh Yang di-Pertuan Agong kepada Al-Malik Khalid.

Sementara itu, Malaysia bercadang menghantar satu misi pelaburan ke Arab Saudi penghujung tahun ini.

Tengku Ahmad Rithauddeen berkata misi itu bertujuan meningkatkan keglatan perdagangan dan pelaburan antara kedua negara.

Merapatkan

Cadangan itu dikemukakan oleh beliau dalam satu mesyuarat antara menteri-menteri dan pegawai-pegawai kedua negara semalam.

Mesyuarat sejam itu membincangkan perkara-perkara mengenai hubungan dua hala dan kedudukan antarabangsa, termasuk cara-cara merapatkan hubungan kedua negara dan masalah di Asia Barat dan Afghanistan.